

1 Jilid
03/2012



Buletin **KERJA RAYA**

Edisi Mei-Jun 2012 | ISSN : 1825-4065 | www.jkr.gov.my



**JKR PERLU MEMENUHI
TUNTUTAN MASYARAKAT**

Sidang Redaksi

Penasihat

Y.Bhg. Datuk Himmat Singh
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Ketua Pengarang

En. Devaraj Subramaniam

Pengarang

En. Mohd Rizal bin Hashim
En. Fauzi bin Baharudin
Pn. Aisah binti Ghazali
Pn. Asiah binti Badiuzaman
Pn. Azlina binti Yahya

Fotografi

En. Rosdin bin Sabni
Jurufoto, Unit Komunikasi Korporat
Unit Perpustakaan &
Sumber Jabatan Kerja Raya

Reka Bentuk/Pencetak

Marzuq Print & Trading
Tel: 03 6188 1131

Urusetia

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya

Sidang Redaksi mengalu-alukan sebarang sumbangan artikel dan pandangan yang membina bagi mengemaskini serta mempertingkatkan lagi mutu penerbitan Buletin Kementerian Kerja Raya. Sumbangan artikel boleh dialamatkan kepada:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kerja Raya,
Tingkat 6, Blok B, Kompleks Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2771 4616 / 4619
Faks : 03-2711 1101
E-mel : pro@kkr.gov.my
www.kkr.gov.my

Minda Pengarang

JKR PERLU MEMENUHI TUNTUTAN MASYARAKAT

“...Rakyat berkehendakkan perkhidmatan infrastruktur awam yang berkualiti. Setakat ini, saya berpuashati dengan pelaksanaan projek yang telah dipertanggungjawabkan kepada JKR. Beberapa pembaharuan juga telah dilaksanakan sebelum ini, umpamanya pembinaan sekolah di kawasan pedalaman yang mengguna pakai aplikasi IBS, *pre approved plan*, Program Penjimatan Tenaga, Penarafan Hijau JKR dan beberapa program yang lain lagi. Saya percaya, walaupun pengenalan program-program baru ini adalah penting, namun kejayaannya adalah bergantung kepada setakat mana kita sanggup melaksanakannya dan sanggup melakukan *follow-up* dan *follow through* bagi memastikan keberkesanan hasil perancangan program tersebut dapat dibuktikan. Proses *engagement* atau turun padang amatlah penting bagi memastikan kita tidak tergelincir daripada kehendak sebenar pelanggan kita.”

“kita harus bersedia dan berani untuk berubah bagi menjadikan JKR sebagai sebuah organisasi yang terunggul dan disegani. Kehendak *stakeholders* kini perlu dilihat dari sudut dan perspektif yang berbeza terutamanya dalam memenuhi tuntutan masyarakat pada hari ini yang kebanyakannya lebih berpengetahuan dengan ekspektasi yang begitu tinggi. Oleh itu, JKR perlu berani membuat anjakan pembaharuan dengan kapasiti yang ada bagi memastikan perkhidmatan yang diberi adalah melebihi tuntutan pelanggan dengan aplikasi teknologi terkini serta tidak lagi terkongkong dengan kaedah lama.”

**Petikan daripada Ucapan Yang Berhormat Dato’
Seri Shaziman Bin Abu Mansor, Menteri Kerja Raya
semasa Majlis Perasmian Mesyuarat Pegawai Kanan
Jabatan Kerja Raya Malaysia pada 4 Jun 2012 di
Langkawi, Kedah.**

KERAJAAN BINA JAMBATAN TERPANJANG DI SARAWAK

Sadong Jaya 18 Jun - Kerajaan memperuntukkan hampir RM230 juta untuk menjayakan projek pembinaan jambatan terpanjang di Sarawak iaitu menghubungkan Asajaya dan Simunjan di Kota Samarahan.

Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Bin Abu Mansor berkata, pembinaan projek jambatan sepanjang 1.48 kilometer itu akan bermula bulan ini dan dijangka siap pada Julai 2016.

"Tujuan utama kerajaan membina jambatan ini kerana ia berupaya mengurangkan hampir satu jam masa perjalanan pengguna selain mengatasi masalah kesesakan penumpang feri".

"Jambatan ini kelak akan turut dapat meningkatkan produktiviti penduduk kampung apabila mereka boleh mengangkut hasil pertanian dengan lebih cepat," katanya selepas melawat tapak projek pembinaan jambatan di Batang Sadong, Kampung Buloh, Kota Samarahan, Sarawak.

Hadir sama, Ahli Parlimen Batang Sadong, Nancy Shukri dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sadong Jaya, Ir. Aidel Lariwoo.

Perdana Menteri, YAB. Dato' Sri Najib Tun Razak meluluskan projek tersebut selepas mengadakan lawatan ke Asajaya pada April tahun lalu.





MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2011 KKR

Kuala Lumpur, 24 Mei - Kementerian Kerja Raya telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi Tahun 2011 di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid.

Majlis tersebut adalah sebagai tanda pengiktirafan bagi meraikan pegawai dan kakitangan yang telah memberi perkhidmatan cemerlang serta sumbangan yang bermakna kepada organisasi. Majlis ini telah dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Bin Abu Mansor.

Dalam majlis tersebut, seramai 900 penjawat awam Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya dari setiap negeri, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) yang telah diraikan untuk menerima anugerah kecemerlangan tersebut.

Dalam amanat YB. Menteri menyarankan supaya setiap pegawai dan kakitangan agar terus berusaha untuk merealisasikan visi dan misi yang telah terpatri dalam mengekalkan kelestarian perkhidmatan yang disumbangkan. YB. Menteri juga turut mengucapkan tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2011.







KERAJAAN KAJI MANSUH ATAU STRUKTUR SEMULA TOL

TAMPIN, 5 Mei - Beberapa buah syarikat konsesi telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan bagi memansuhkan atau mengurangkan kadar tol di beberapa buah lebuh raya untuk meringankan beban pengguna jalan raya.

Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor berkata, cadangan lain ialah membekukan kenaikan kadar tol dan mengekalkan kadar tol sedia ada untuk tempoh yang lebih lama.

"Kesemua cadangan itu akan dinilai oleh kementerian bersama Lembaga Lebuh Raya Malaysia serta dibincangkan di peringkat Majlis Tindakan Ekonomi negara sebelum dirujuk kepada Kabinet.

"Cadangan-cadangan ini juga akan dinilai secara berasingan kerana ia perlu bersesuaian dengan kemampuan kerajaan selain mengelak syarikat-syarikat konsesi rugi kerana mereka juga perlu jaga kepentingan perniagaan serta pemegang saham masing-masing," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Hari Keluarga Kem Syed Sirajuddin Bersama Warga Tampin di Gemas, Tampin, Negeri Sembilan.

Shaziman bagaimanapun enggan memberitahu jumlah dan nama syarikat konsesi yang menghantar cadangan itu kerana ia masih dikaji.







TENDER DIBUKA UNTUK SYARIKAT KECIL SELENGGARA JALAN PERSEKUTUAN

Langkawi, 4 Jun - Kementerian Kerja Raya akan memberi lebih banyak peluang kepada syarikat kecil untuk terlibat dalam penyelenggaraan jalan persekutuan menerusi tender terbuka.

Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Bin Abu Mansor berkata, kementerianya mensasarkan pembabitan sekurang-kurangnya 50 peratus kontraktor kelas D, E dan F tahun ini, berbanding hanya 30 peratus tahun lalu.

"Melalui tender terbuka untuk kerja penyelenggaraan berkala kepada kontraktor kelas D, E dan F, ia lebih bagus

untuk pengagihan ke ekonomi industri pembinaan negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Pegawai Kanan Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia 2012, di Langkawi.

Shaziman berkata, ketika ini kerja penyelenggaraan berkala diberi kepada syarikat konsesi sedangkan mereka sudah diberi projek penyelenggaraan rutin, iaitu tiga syarikat di Semenanjung dan lima di Sabah dan Sarawak.

Kerja penyelenggaraan rutin melibatkan kerja seperti menampal lubang atau baik pulih keretakan permukaan jalan, memperbaiki bahu jalan, memotong rumput, membersihkan dan mengecat papan perabot jalan seperti papan tanda, pembentungan serta pemeriksaan harian dan rutin.

Kerja penyelenggaraan berkala pula membabitkan antaranya membaik pulih pembentung, mengganti penghadang jalan, papan tanda dan pelbagai kerja pembaikan berjadual.

Shaziman berkata, tahun lepas, sebanyak RM268.7 juta diperuntuk bagi penyelenggaraan rutin manakala penyelenggaraan berkala sebanyak RM246 juta.

"Kerja penyelenggaraan rutin memang kita berikan kepada konsesi tetapi penyelenggaraan berkala terpulung kepada JKR untuk menentukan sama ada beri kepada konsesi atau dibuat tender terbuka. Jadi saya minta JKR mengadakan mekanisme bagi mempercepatkan sebut harga proses bagi penyelenggaraan berkala," katanya.

Beliau berkata, sehingga hujung tahun ini, kementerian itu memperuntukkan RM170 juta bagi syarikat kecil terlibat dalam penyelenggaraan berkala.







KKR 2 DIJANGKA SIAP JUN 2013

KUALA LUMPUR, 14 Mei - Kerajaan akan berunding dengan pihak berkepentingan baru Plus Expressways Bhd (PLUS) bagi mencari jalan mengurangkan kadar atau menghapuskan tol di beberapa bahagian lebuh raya kendalian syarikat itu.

Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Mansor berkata, bagi tujuan itu, kerajaan akan berbincang dengan Kumpulan UEM dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Walaupun penstrukturan (PLUS) baru siap, telah ada permintaan daripada rakyat bagi mengurangkan kadar atau menghapuskan tol di kawasan tertentu, maka ini diambil perhatian penting oleh kerajaan.

"Maka kerajaan kini sedang mengkaji kalau ada ruang boleh dilakukan untuk mengurangkan harga atau tutup dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak projek Kompleks Kerja Raya 2 di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, selain kepentingan rakyat, langkah itu bergantung kepada pelbagai faktor lain seperti pampasan yang perlu dikeluarkan kerajaan dan kepentingan 'stakeholders' PLUS.

"Pampasan yang kerajaan perlu keluarkan datangnya daripada wang rakyat, maka jika kerajaan keluarkan, ia perlu memberi kebaikan kepada rakyat secara menyeluruh, bukan hanya sebahagian kecil," katanya.

Mengulas Kompleks Kerja Raya 2, Shaziman berkata, bangunan ibu pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) setinggi 37 tingkat itu dijangka siap pada Jun tahun depan.

"Setelah siap, bangunan ini mampu menempatkan kira-kira 1,300 daripada 2,600 pegawai dan kakitangan JKR dari cawangan sekitar ibu kota. Sekarang kita belanjakan kira-kira RM3.97 juta sebulan untuk sewa pejabat cawangan ini.

"Bagi menempatkan kesemua cawangan JKR (di Lembah Klang) di bawah satu bumbung, Kementerian Kerja Raya sedang merancang untuk membina satu lagi kompleks, iaitu Kompleks Kerja Raya 3," katanya.

Beliau berkata, Kompleks Kerja Raya 2 bakal menjadi bangunan tinggi kerajaan pertama yang mencapai tahap platinum di bawah 'Indeks Bangunan Hijau'.





PROJEK SAKIT KEMENTERIAN KERJA RAYA DALAM KAWALAN

Seremban 25 Mei - YB. Dato' Seri Shaziman bin Abu Mansor, Menteri Kerja Raya telah mengadakan lawatan kerja ke projek menyiapkan kerja tertinggal pembinaan jalan baharu dari Lebuhraya Seremban-Port Dickson ke laluan 5 dari Pasir Panjang dan menaiktaraf laluan persekutuan dari Pasir Panjang ke Linggi. YB. Menteri mengulas kepada media mengenai projek menyiapkan kerja tertinggal itu yang melibatkan kos RM164.2 juta, beliau berkata projek itu sepatutnya siap pada 2007 dan kini dijadual semula untuk siap hujung tahun ini dengan pelantikan kontraktor baharu tahun lepas.

Dalam pada itu, YB. Menteri turut mengulas mengenai isu "projek sakit" di bawah seliaan KKR. Beliau menjelaskan hanya empat "projek sakit" Kementerian Kerja Raya dalam tempoh perancangan 2012-2013 Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) dan keadaan itu dianggap dalam kawalan. Dari segi peratus, katanya, projek sakit itu hanya 2.3 peratus daripada keseluruhan projek yang dilaksanakan.

"Empat projek itu ialah jalan penghubung ke Pusat Pentadbiran Persekutuan Baru Sarawak melibatkan kos RM126.9 juta, membina pejabat Kerja Raya Tambunan, Sabah (RM2.3 juta), menaiktaraf jalan dari persimpangan Bunga Cengkih ke persimpangan Lebuhraya Pantai Timur ke Sungai Lembing, Pahang (RM33 juta) dan Bangunan Gunasama Persekutuan Klang, Selangor (24.6 juta)."

Dalam RMK-10 KKR menerima 178 projek dan daripada itu, 39 projek telah disiapkan, 114 dalam pembinaan manakala 25 projek lagi masih di peringkat pembinaan.





JAMBATAN PENDARUAN MANTAPKAN HUBUNGAN MALAYSIA – BRUNEI

Limbang 11 Jun - Bandar ini bakal dihubungkan dengan daerah Temburong, Brunei menerusi jalan darat buat pertama kali apabila jambatan baru di Sungai Pandaruan di sini siap dibina pada Ogos tahun depan.

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Datuk Himmat Singh berkata, kerja-kerja pembinaan jambatan yang menelan belanja RM20.8 juta itu telah pun dimulakan oleh kontraktor dilantik sejak 15 Mei lalu.

“Jambatan itu merupakan projek kerjasama antara kerajaan Brunei dengan kita menerusi perjanjian bersama yang ditandatangani pada 12 September tahun lalu dan perlu disiapkan sebelum sidang kemuncak ASEAN yang akan berlangsung November tahun depan.

“Apabila siap, ia bakal menggantikan perkhidmatan feri di Sungai Pandaruan yang selama ini menjadi perhentian terakhir jajaran jalan raya Pan Borneo, sekali gus menjadi pemangkin kepada pembangunan dan pertumbuhan antara dua negara,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pecah tanah projek tersebut yang turut dihadiri Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan Brunei, Datuk Awang Alaihuddin Awang Mohamad Taha di Limbang semalam.

Mengulas lanjut, Himmat yang juga Pengerusi Bersama projek tersebut berkata, jambatan sepanjang 189 meter dengan dua lorong memandu bagi setiap hala itu diperbuat sepenuhnya daripada bahan berteknologi tinggi *pre-cast concrete*.

“Bagi pembinaan jalan di kedua-dua arah pula, ia akan dibina oleh kerajaan masing-masing.

“Jabatan Kerja Raya (JKR) sekarang sedang merangka reka bentuk untuk jalan tuju di sebelah Limbang manakala di sebelah Temburong, kerja-kerja pembinaannya dilaksanakan oleh pihak JKR Brunei,” katanya.





PENGGUNA NIKMATI **TOL PERCUMA** SEMPENA PEMBUKAAN SKVE SEKSYEN 2

Banting, 29 Mei - Pengguna lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE) Seksyen 2, akan menikmati tol percuma selama sebulan sehingga 29 Jun ini sempena pembukaan rasmi laluan itu hari ini, kata Menteri Kerja Raya, YB. Dato' Seri Shaziman Abu Mansor.

Laluan 12.9 km menghubungkan persimpangan SKVE Saujana Putra dan persimpangan Teluk Panglima Garang itu secara tidak langsung mampu menjadi pemangkin pembangunan di sepanjang koridor lebuhraya iaitu Bandar Saujana Putra, Kebun Baru, Sijangkang, Teluk Panglima Garang, Jenjarom dan Banting, katanya.

Beliau berkata, lebuhraya empat lorong-dua hala dengan kelebaran 3.65 meter bagi setiap lorong itu dibina dengan penekanan aspek kualiti dan ciri keselamatan seperti dilengkapi sistem pemantauan trafik dan pasukan ronda 24 jam sehari.

"Saya yakin dengan kualiti ini serta kemudahan yang ditawarkan, ia mampu menjadi laluan yang selesa dan selamat kepada pengguna lebuhraya," kata Shaziman dalam ucapan pada majlis perasmian SKVE Seksyen 2 itu di Plaza Tol Teluk Panglima Garang dekat Banting hari ini. Ucapan beliau dibacakan Ketua Setiausaha Kementerian, YBhg. Datuk Himmat Singh.

Lebuhraya SKVE mempunyai tiga seksyen iaitu Seksyen 1A dan 1B, Seksyen 2 dan Seksyen 3 dengan kos RM1.1 bilion.



MAJLIS PERASMIAN
PAMERAN RENOVATION EKSPLO BUMIPUTERA
MALAYSIA INTERNATIONAL RENOVATION EXPO 2012
DIRASMIKAN OLEH
Y.BHG DATO' NASIR BIN HJ. MAT DAM
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN)
KEMENTERIAN KERJA RAYA
1 HB JUN 2012 JUMAAT 11 PAGI PENTAS UTAMA, DEWAI

MALAYSIA'S LARGEST & PREMIER
RENOVATION
EXPO 2012

KONTRAKTOR BUMIPUTERA PERLU BERINOVATIF

Kuala Lumpur, 1 jun - Kontraktor Bumiputera kini dapat bersaing dengan kontraktor lain dalam bidang pembinaan. Namun, mereka perlu lebih berinovatif untuk mendapat peluang yang lebih luas di Negara ini. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Kerja Raya, Y. Bhg. Dato' Nasir Bin Hj Mat Dam berkata demikian dalam ucapan perasmian *Malaysian International Renovation Expo 2012* di Putra World Trade Centre (PWTC) Kuala Lumpur.

Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) telah mengambil bahagian di dalam *Malaysian International Renovation Expo 2012* kali ini. PKK juga telah membawa seramai 15 kontraktor dan usahawan binaan Bumiputera turut serta dalam pameran ini.

Program yang melibatkan kerjasama persatuan kontraktor telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Kontraktor yang terlibat juga mendapat jaringan perniagaan di kalangan orang perseorangan dan juga syarikat swasta. Pameran ini telah berjaya menarik pengunjung lebih 100,000 orang.





LATIHAN KEBAKARAN KKR (FIRE DRILL)

Kuala Lumpur, 9 Mei - Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama pihak Bomba dan Penyelamat telah mengadakan latihan kebakaran pada 9 Mei 2012.



Dalam latihan tersebut sebanyak 30 anggota dari Balai Bomba Jalan Hang Tuah dan Sentul telah terlibat berserta kelengkapan empat jentera Bomba. Simulasi kebakaran berlaku di tempat letak kereta tingkat 2 Blok B, Kompleks Kerja Raya. Pengumuman pengosongan bangunan Kompleks Kerja Raya dibuat pada jam 9.45 pagi dan Bangunan Kompleks Kerja Raya berjaya di kosongkan pada jam 9.52 pagi.



Seramai tiga mangsa diselamatkan oleh pihak Bomba dan empat mangsa telah diselamatkan oleh Pasukan Penyelamat Kawasan Kementerian. Demonstrasi pemadaman api menggunakan 'water tower' turut dijalankan. Pihak Bomba mengisytiharkan bahawa bangunan selamat diduduki pada jam 10.12 pagi diikuti Warga KKR turut diberi taklimat ringkas oleh pasukan bomba berkenaan teknik penggunaan alat pemadam kebakaran.



Hasil dari *post mortem* yang dilaksanakan, pihak Bomba telah memaklumkan bahawa latihan kebakaran yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kerja Raya berjaya dengan catatan masa pengosongan bangunan kurang dari tempoh masa yang ditetapkan iaitu 14 minit.



Keratan Akhbar

Melalui pemberian diskaun RM227.3 juta sejak 2009

Usaha kerajaan turunkan tol

USAMA LAMBAT - Usaha kerajaan untuk menurunkan kadar tol di negara ini melalui pemberian diskaun RM227.3 juta sejak 2009, telah membuahkan hasil. Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shamsuddin Bardhan, berkata, diskaun tersebut telah memberi manfaat kepada pengguna jalan raya.



Projek Sakit Kementerian Kerja Raya 2.3 peratus

USAMA LAMBAT - Projek Sakit Kementerian Kerja Raya 2.3 peratus, telah diumumkan oleh Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shamsuddin Bardhan. Beliau berkata, projek ini akan dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan.



NEWS WITHOUT BORDERS

More jobs for small contractors

> Govt to have open tender system for maintenance of federal roads

CIDB buat pemeriksaan mengejut

USAMA LAMBAT - Lembaga Pengiraan Malaysia (CIDB) telah membuat pemeriksaan mengejut terhadap projek-projek pembinaan di negara ini. Beliau berkata, pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan kualiti projek-projek tersebut.



Fast response to feedback posted on JKR website

I SUBMITTED an online feedback through the Public Works Director's (JKR) website on an overgrown road corner with potholes just after the Teluk Anson highway towards Genting, Bukit Putus. In 48 hours, I received an acknowledgement stating feedback had been charged to JKR Daerah Karat Daya for...

Kerajaan mahu kurang, hapus tol PLUS



LAMANGAM: The Works Ministry will give more federal road maintenance jobs to small contractors through the open tender system. In minister Datuk Seri Shamsuddin Bardhan said last year only 30% of the scheduled federal road maintenance jobs were given to the small contractors and over the country was targeting at least 50% of the jobs to small contractors to be awarded in these projects.

Lebih banyak tender majukan kontraktor kecil



...that a week, I saw computing up the railings, which is still in progress. Impressed with the speed shown for these travelling the wind-daily, be great if the street lights added soon to enhance safety, be those in JKR!

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan berunding dengan pihak berkepentingan berhubung dengan projek berkepentingan baru Plus Expressways Ekd. (PLUS) bagi mencari jalan mengurangkan kadar tol yang dikenakan.

Kerajaan bela nasib kontraktor kecil

Bayaran terus daripada jabatan Kerja Raya elak syarikat raga, risiko ditipu kecas

...dalam tempoh masa yang singkat ini, kerajaan akan memberi perhatian kepada kontraktor kecil. Beliau berkata, kerajaan akan memastikan bayaran terus daripada jabatan Kerja Raya kepada kontraktor kecil.

Jambatan erat hubungan penduduk

Menghubungkan Limbang dengan daerah Temburong, Brunei



Kontraktor kecil kena bijak rebut tender terbuka

...kontraktor kecil harus bijak dalam memilih tender terbuka. Beliau berkata, kontraktor kecil harus memastikan mereka mempunyai semua maklumat yang diperlukan untuk membuat keputusan yang bijak.

...kini sedang mengkaji kebolehan untuk meningkatkan kadar tol kepada pembeta selip projek Kompleks Kerja Raya.

Manfaat besar Lebuh raya SKVE

Adun mahu pendaftar rebut pelbagai tingkat ekonomi tanpa politikan itu



Kerajaan teliti langkah terbaik hapus kadar tol



ISSN 1965-4575
9771985459008

Dana RM280,000 bina lampu isyarat depan sekolah

Hospital rehabilitasi pertama siap

Galang Persekitaran arahkan kepada kerajaan

